

DS 3 MEWUJUDKAN KOMUNITI LESTARI

Penyediaan kemudahan seperti kemudahan Pendidikan, Kesihatan, Keselamatan, Keagamaan dan Kemudahan Masyarakat merupakan faktor penting bagi mewujudkan komuniti lestari di samping meningkatkan taraf kualiti kehidupan masyarakat desa. Oleh itu, kemudahan-kemudahan masyarakat penting dan perlu disediakan mengikut keperluan penduduk desa.

DS 3.1: Menyediakan Kemudahan Pendidikan bagi Pembangunan Intelektual Masyarakat Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Menaik taraf kemudahan pendidikan yang meliputi Tadika, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah serta Institusi Pendidikan Tinggi dan Kolej bagi menampung keperluan penduduk desa di Johor Tengah.
- Menyediakan dan memberi suasana dan kualiti persekitaran pembelajaran serta memberikan pendidikan yang formal kepada masyarakat desa yang sama seperti di bandar.

Komponen Cadangan:

- Memastikan bilangan Kemudahan Pendidikan dapat menampung penduduk semasa di kawasan desa.
- Menentukan lokasi yang sesuai untuk penyediaan Kemudahan Pendidikan dengan mengambil kira jarak dari rumah ke Kemudahan Pendidikan
 - i. Sekolah Rendah – 2.5 km
 - ii. Sekolah Menengah – 5.0 km
- Menyediakan dan memberi suasana dan kualiti persekitaran pembelajaran serta memberikan pendidikan yang formal kepada masyarakat desa yang sama seperti di bandar.
- Mendedahkan kepada masyarakat desa kepada ilmu pengetahuan untuk membangunkan dan membetuk daya intelektual dan kemahiran berfikir masyarakat desa setanding masyarakat di bandar.

Kaedah Pelaksanaan:

- Program bimbingan Pendidikan yang dianjurkan di peringkat sekolah dapat memberikan keyakinan diri.
- Perlaksanaan projek melalui Kerjasama antara JPKK dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

CADANGAN LOKASI

Cadangan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Endau-Penyabong, Mersing dan melibatkan Program-Program Pendidikan

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • BPENJ 	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Daerah • PBT • Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • KPLB

ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan = RM 5,000,000
- Kos Program Pendidikan = RM 100,000 (per Program Pendidikan)

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 8,000,000




Foto: Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh, Kluang



Foto: Sekolah Kebangsaan Minyak Beku, Batu Pahat

Penemuan Strategik

Bilangan Sekolah Menengah di Daerah Batu Pahat lebih mendominasi berbanding Daerah Kluang dan Mersing sebanyak 10 buah Sekolah Menengah yang ditawarkan di Kawasan desa.

Sekolah Menengah

Batu Pahat – 10 buah
Kluang – 8 buah
Mersing – 5 buah



Foto: Sekolah Kebangsaan Minyak Beku, Batu Pahat

Bagi Sekolah Rendah, Daerah Batu Pahat juga mempunyai bilangan penawaran yang tinggi di kawasan desa iaitu sebanyak 97 buah Sekolah Rendah yang merangkumi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sekolah Rendah

Batu Pahat – 97 buah
Kluang – 46 buah
Mersing – 24 buah



Foto: Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh, Kluang



Foto: Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC) Sri Lalang, Kluang

Penawaran semasa Kemudahan Pendidikan yang terdapat di Daerah Johor Tengah dapat menampung keperluan masyarakat desa dengan pelbagai program-program yang dapat membentuk daya pemikiran yang kritis untuk meningkatkan intelektual masyarakat desa.

Jarak dari kawasan desa ke Sekolah juga memainkan peranan yang penting dengan tahap kemudahsampaian yang tinggi untuk menggalakkan masyarakat desa ke sekolah. Jarak yang disyorkan bagi Sekolah Rendah adalah 2.5km manakala bagi Sekolah Menengah adalah 5.0km dari kawasan desa.

Cadangan

Jadual 5.25: Cadangan bagi Kemudahan Pendidikan

Daerah	Mukim	Nama Kampung
Mersing	Padang Endau	Cadangan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Endau-Penyabong

Sumber: *Draf Rancangan Tempatan Daerah Mersing 2030*

Menurut sumber daripada Draf RTD Mersing 2030, keperluan penambahan bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) hanya di Daerah Mersing iaitu cadangan pembinaan SMK di Mukim Padang Endau. Cadangan ini bagi menampung keperluan penduduk pada masa akan datang dengan mengambil kira unjuran, umur dan lokasi perletakan cadangan.

Program Bimbingan Pendidikan

Mewujudkan program bimbingan Pendidikan secara bersepadu untuk pelajar di desa

Antara cadangan aktiviti:

- Pusat Tuisyen Komuniti
- Program Mentor-Mentee
- Perpustakaan Mini
- Kemahiran Komunikasi
- Ceramah Komunikasi
- Bengkel Kaunseling


Pembangunan modal insan juga bertujuan memastikan masyarakat desa mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam mempraktikkan dalam kehidupan untuk tujuan pertanian, penternakan dan kehidupan harian di desa.

Ini bertujuan melahirkan masyarakat yang berkemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dengan baik, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional, mempunyai nilai tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.



Selain Pendidikan Formal di sekolah, masyarakat desa juga lebih cenderung dengan mempelajari Pendidikan Tidak Formal yang diberi tunjuk ajar dan nilai-nilai murni daripada ibu bapa mahupun masyarakat desa. Namun, Pendidikan Tidak Formal ini perlu diiringi dengan Program-Program Pendidikan yang mampu mengasah bakat masyarakat desa untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan yang lebih meluas.

Rajah 5.12: Kemudahan Pendidikan Daerah Batu Pahat




PETUNJUK:

- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut

- 1.0 PENGENKALAN
- 2.0 PROFIL DESA
- 3.0 HALA TUJU
- 4.0 DESA MAMPUAN
- 5.0 DESA SEJAHTERA
- 6.0 DESA PRIHATIN
- 7.0 DESA MAMPAU
- 8.0 DESA PINTAR
- 9.0 PENGURUSAN

Rajah 5.13: Kemudahan Pendidikan Daerah Kluang




PETUNJUK:

- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah

- ▭ Sempadan Daerah
- ▬ Jalan Raya
- ▬ Lebuh Raya
- ▬ Laluan Kereta Api
- ▭ Laut

Rajah 5.14: Kemudahan Pendidikan Daerah Mersing



PETUNJUK:

- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut